

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

KRC bakal tarik pelaburan RM10 bilion

KRC bakal tarik pelaburan RM10 bilion

Projek ini dapat membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan stabilkan harga getah secara optimum

Oleh ROSLINDA HASHIM

PADANG TERAP

Kedah Rubber City (KRC) bakal menarik pelaburan bernilai RM10 bilion selain mewujudkan 15,000 peluang pekerjaan menjelang 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, KRC sehingga kini berjaya menarik pelaburan sebanyak RM4 bilion dan menjana 7,000 peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia.

"Taman perindustrian mesra alam bertaraf dunia ini menawarkan infrastruktur dan jaringan kesalinghubungan yang baik, selain ekosistem mesra pelabur.

"Pelaksanaan projek KRC yang merupakan antara projek strategik nasional di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) ini tepat pada masanya ketika ne-



Ismail Sabri (tengah) melihat plan pembangunan Kedah Rubber City ketika majlis pelancaran di Padang Terap pada Isnin.

gara sedang menjalani proses pemulihan dan pertumbuhan ekonomi akibat terkesan oleh pandemik Covid-19," kata beliau ketika berucap merasmikan Projek Strategik NCER-KRC di sini pada Isnin.

"Kewujudannya mencerminkan momentum pertumbuhan dan kemajuan ekonomi Kedah, yang dipacu oleh sektor pertanian moden dan pintar serta pembuatan bernilai tinggi.

"Sebelum ini, pembangunan berskala besar kebanyakannya bertumpu di kawasan bandar. Kali ini, Keluarga Malaysia di kawasan luar bandar termasuk Padang Terap juga mampu menikmati

limpahan kemakmuran yang dicipta daripada projek strategik seperti KRC ini," katanya.

Menurutnya, berdasarkan lokasinya yang strategik di kawasan 'Rubber Belt' sempadan Malaysia-Thailand, KRC juga akan memupuk kerjasama dan integrasi serantau yang lebih erat antara kedua-dua negara.

"Ia juga dijangka menjadi penggerak dalam menghubungkan pengeluaran getah utama di rantau ini di bawah platform Indonesia-Malaysia Thailand Growth Triangle (IMT-GT)," katanya lagi.

Ismail Sabri berkata, antara kerjasama strategik adalah antara

Mitsui & Co (Malaysia) Sdn Bhd dengan Hong Seng Consolidated Berhad (Hong Seng) melibatkan pelaburan bernilai RM3 bilion.

"Kerjasama ini mengukuhkan rantaian bekalan bahan mentah dalam pembuatan polimer NBL dengan kepakaran Mitsui dalam industri ini. Serta mengurangkan kebergantungan terhadap import polimer NBL kerana Hong Seng akan memindahkan teknologi canggih baharu yang diperolehi kepada negara," katanya.

Menurutnya, pembangunan keseluruhan KRC meliputi kawasan seluas 1,244 ekar, merangkumi 496 ekar untuk Fasa Satu dan 748 ekar untuk Fasa

Dua. Kerja-kerja fizikal pembangunan Fasa Satu telah siap dan bersedia menerima kemasukan pelabur.

"Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan RM417.5 juta untuk Fasa Satu projek ini.

Fasa Dua KRC akan dilaksanakan pada tahun 2023," katanya.

Ismail Sabri berkata, projek KRC turut membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan memastikan permintaan berterusan untuk bekalan getah asli selain menstabilkan harga getah melalui penggunaan getah asli secara optimum.

Ia bakal memberi manfaat 73,642 pekebun kecil di Kedah, termasuk 11,190 pekebun kecil dari daerah Padang Terap. Kesemua ini sejajar sasaran sifar miskin tegar menjelang 2025.

Pelancaran KRC turut dihadiri oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.